

15/05/1998

Majlis pelancaran pusat penyiaran ntv7 meriah

NATSEVEN TV (ntv7) menyediakan pelbagai rancangan terbaik dan terkini sempena pelancaran serentak pusat penyiaran ntv7 di Shah Alam, Selangor dan Kuching, Sarawak pada 22 Mei ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan pusat penyiaran itu di Shah Alam.

Ketua eksekutifnya, Shazalli Ramly, berkata sempena majlis itu ntv7 menyediakan pelbagai rancangan bercorak muzikal termasuk siaran langsung Konsert Seceria Pelangi.

"Konsert itu menampilkan 14 artis tempatan dan Asia Tenggara.

"Artis tempatan yang terbabit ialah KRU, Ning Baizura, Nora, Siti Nurhaliza, Awie, Erra Fazira dan Jay Jay.

"Manakala artis luar ialah Mehnaz dari India, Carabao (Thailand), Mavis Hee (Singapura), Mayang Sari (Indonesia), Jeremie (Filipina) dan Qiu Hai-Zheng (Taiwan)," katanya pada sidang akhbar Konsert Seceria Pelangi di Shah Alam, semalam.

Menurutnya, Konsert Seceria Pelangi juga menampilkan Rosyam Noor, Asha Gill dan Hairie Othman sebagai hos dan disiarkan secara langsung selama 90 minit tanpa henti.

"Konsert itu bermula jam 8.30 malam dan disusuli rancangan muzikal antarabangsa, Smash Hits Party 1997, pada jam 10 malam.

"Smash Hits Party 1997 menampilkan artis popular antarabangsa seperti Celine Dion, Backstreet Boys, Janet Jackson dan Spice Girl yang turut membuat persembahan secara live," katanya.

Shazalli berkata, ntv7 turut menyiarkan edisi khas Warta Nasional ntv7, tepat jam 8 malam.

"Selain memaparkan berita dari dalam dan luar negara, ia turut memperlihatkan apa yang berlaku di belakang tabir Warta Nasional ntv7, terutama bagaimana berita dan visual diproses sebelum disiarkan," katanya.

(END)